

| | | | |
|-------------------|---|--------------------|---------------------|
| Headline | Kenaikan tarif air. Kerajaan akan bincang dengan negeri tidak bersetuju | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 17 Jan 2019 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 112,050 |
| Page No | 1,3 | Readership | 336,150 |
| Language | Malay | ArticleSize | 393 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 7,767 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 23,302 |



NAIK TARIF AIR

Hampir semua negeri setuju



- Hampir semua negeri bersetuju naikkan kadar tarif air.
- Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr. A. Xavier Jayakumar akan berbincang dengan beberapa negeri yang belum bersetuju berhubung langkah tersebut.
- Beri jaminan purata kenaikan tarif air tidak akan membebankan rakyat.
- Kenaikan perlu dilaksanakan bagi memastikan pengguna terus mendapat bekalan air berkualiti pada masa depan.

BERITA DI MUKA 3

| | | | |
|-------------------|--|--------------------|---------------------------|
| Headline | Kenaikan tarif air. Kerajaan akan bincang dengan negeri tidak bersetuju | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 17 Jan 2019 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 112,050 |
| Page No | 1,3 | Readership | 336,150 |
| Language | Malay | ArticleSize | 393 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 7,767 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 23,302 |

Kenaikan tarif air: Kerajaan akan bincang dengan negeri tidak bersetuju

KUALA LUMPUR 16 Jan. - Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli akan berbincang dengan beberapa negeri yang masih belum bersetuju dengan cadangan untuk menaikkan kadar tarif air.

Menterinya, Dr. A. Xavier Jayakumar berkata, kenaikan tarif air perlu dilaksanakan bagi memastikan pengguna terus mendapat bekalan air berkualiti pada masa depan.

Kata beliau, kerajaan tidak mampu lagi menampung kos penyelenggaraan air negara ini menggunakan kadar bayaran yang ditetapkan kira-kira 25 tahun lalu.

"Saya melihat banyak kerajaan negeri bersetuju namun ada satu dua negeri yang be-

lum setuju lagi. Kita akan bincang dengan mereka mengenai isu tarif air.

"Kami bukan mahu bebanan mana-mana pihak. Kita perlu faham kalau nak air bersih, kita harus berbelanja untuk mendapatkannya.

"Untuk 20 tahun sebelum ini tiada perbelanjaan yang dilakukan kerana ada percanggahan mengenai sistem air antara kerajaan negeri, kerajaan Persekutuan dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)," katanya dalam sidang akhbar Majlis Pemeteraan Memorandum Persefahaman (MoU) antara Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dengan Indah Water Konsortium (IWK)

di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua Penggarah FRIM, Datuk Dr. Abd Latif Mohmod dan Ketua Pegawai Eksekutif IWK, Faizal Othman.

Sebelum ini, media me-laporkan Xavier berkata, kadar tarif air mungkin akan dinaikkan secara berperingkat tahun ini selaras dengan usaha kerajaan untuk menstruktur semula industri perkhidmatan bekalan air di negara ini.

Setakat ini, Pulau Pinang mengesahkan tarif air negeri itu naik hingga 20 peratus, Negeri Sembilan, Perak dan Selangor masih mengkaji kesan kepada pengguna manakala Johor dan Sabah tidak akan menaikkan kadar utiliti itu.



XAVIER JAYAKUMAR (dua dari kanan) melihat akar rerambut Tongkat Ali semasa melawat pameran selepas Majlis Menandatangani MoU antara FRIM dengan Indah Water Konsortium di Kepong, Kuala Lumpur semalam.